

16 JUL 2003

Ali-SUK

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DILANTIK SUK BARU MELAKA

MELAKA, 16 Julai (Bernama) -- Pegawai Kewangan Negeri Datuk Ahmad Rusli Joharie dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru menggantikan Datuk Wira Jahaya Mat yang bersara wajib berkuatkuasa 20 Julai ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata pelantikan Ahmad Rusli, 52, telah dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan tempat beliau pula akan digantikan oleh Pengarah Bahagian Sokongan Perdagangan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Khalil Hassan.

"Selepas persaraannya, Jahaya akan dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kolej Yayasan Melaka (KYM), Pengarah Urusan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Pengerusi Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd dan Pengerusi PM Media and Events Sdn Bhd," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri, hari ini.

Ahmad Rusli, anak kelahiran Batu Gajah, Perak, memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1973 iaitu sebagai Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka.

Beliau yang pernah bertugas di beberapa jabatan kerajaan termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Pertanian, di Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebelum dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Melaka pada Januari 1988.

Sementara itu Ketua Menteri berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Masjid Al-Alami di Air Keroh pada 9 Ogos depan sempena kehadiran beliau pada Pertandingan Badminton Piala Perdana dari 2 hingga 9 Ogos di sini.

"Perdana Menteri akan hadir pada majlis penyampaian hadiah pertandingan itu yang dianjurkan oleh Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri (BAKTI) di sebelah malamnya," kata beliau.

Masjid bernilai RM6 juta, iaitu RM4 juta sumbangan kerajaan persekutuan, mula dibina tahun lepas dan boleh digunakan pada 1 Ogos ini. Ia boleh memuatkan 2,000 orang jemaah.

Bagi meningkatkan kemudahan sukan di daerah Alor Gajah dan Jasin, beliau berkata Kerajaan Negeri telah meminta Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Daerah Jasin (MDJ) untuk membina sebuah stadium di daerah masing-masing.

Mohd Ali berkata Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM) sedang menyiapkan kurikulum bagi memperkenalkan empat kursus baru iaitu Program Pengajian Eropah, Program Pengajian Asia, Program Pemikiran Dr Mahathir dan Program Tamadun Islam di kolej berkenaan.

"Rektor KTIM Prof Datuk Mohd Yusof Hashim telah diminta mengkaji program berkenaan dan merujuk kepada Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kelulusan," katanya.

-- BERNAMA

SBS PR